




Gambar 1: Air jernih berdepan Pantai Teluk Ketapang (atas) dan air keruh berdepan muara Sg. Terengganu

Kualiti Air Sediada

- Kualiti air sekitar kawasan projek boleh dianggap sebagai baik, tetapi kepekatan nutrien amonia didapati tinggi hampir di semua stesen kualiti air di sekitar kawasan projek semasa survei September 2017.
- Serakan sedimen dari sungai tidak kelihatan tetapi air di kawasan berhampiran muara sungai dan di beberapa kawasan di dalam tapak projek diperhatikan lebih keruh daripada kawasan luar persisiran pantai (rujuk Gambar 1).
- Kualiti air di Sg. Terengganu juga dianggap baik.

Kesan kepada Kualiti Air

- Kesan utama yang dijangkakan adalah peningkatan kepekatan sedimen terampai dan kekeruhan di dalam air, disebabkan jumlah penambakan dan pengorekan yang besar.
- Pemodelan numerik telah dijalankan untuk meramalkan kepekatan dan penyebaran sedimen terampai untuk kesemua lime fasa pembinaan (rujuk Rajah 1 untuk contoh Fasa 2 semasa musim Monsun Barat Daya).
- Berdasarkan keputusan model, serakan sedimen terampai melebihi kepekatan 25 mg/L (kualiti air Kelas 2) akan berlaku kurang daripada 30 peratus daripada jumlah tempoh aktiviti dijalankan dan serakan adalah terhad kepada kawasan projek.
- Serakan sedimen berkepekatan melebihi 5 mg/L akan mempunyai keluasan maksimum 8 km ke utara and 6 km ke selatan dari punca pengorekan atau penambakan; pada kepekatan ini, serakan sedimen akan kelihatan, tetapi kesan kepada ekologi marin dan fauna tidak akan dijangka. Serakan sedimen akan tersebar 1.5 km jauh dari pesisir pantai dan tidak akan sampai ke Pantai Tok Jembal.
- Impak setiap fasa dikategorikan sebagai *negatif minor*.



Langkah-Langkah Mitigasi

- Pemasangan tirai sedimen di kawasan penambakan terutamanya di kawasan pelepasan air di kawasan penambakan dapat mengurangkan serakan sedimen terampai.
- Pembinaan batas terlebih dahulu semasa aktiviti penambakan akan memerangkap sedimen yang telah diisi di dalam kawasan penambakan daripada dibawa arus air.

Gambar 2: Contoh salah satu langkah mitigasi, iaitu pemasangan tirai sedimen untuk mengurangkan serakan sedimen terampai ketika aktiviti penambakan dan pengorekan dijalankan.



ANNEX 3

Project Background Presentation Slides

**CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR ‘SUNRISE CITY’ DI ATAS
‘RECLAMATION LAND’ MUKIM SEBERANG TAKIR,
DAERAH KUALA TERENGGANU**

28/06/2019

COMPONENTS

1. Public Facilities and Infrastructure

- Promenade/Boardwalk
- Beaches
- Landscaped Parks
- Children Playground
- Viewing Towers/Vantage Points
- Fishing Jetties
- Sports venues
- Public Swimming Pools
- Recreational Tracks – Pedestrians, Jogging & Exercise, Cycling
- Skating Rings
- Picnic Areas
- Public Amenities
- Link Bridges
- Security outposts

